

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah laporan rasuah yang diterima terhadap ahli politik dan pegawai Kerajaan di antara tahun 2018 hingga kini, berapa jumlah siasatan yang telah dibuka dan jumlah yang telah disabitkan di Mahkamah.

**JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, jumlah maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap ahli politik dan pegawai Kerajaan bagi tahun 2018 hingga Jun 2020 adalah sebanyak 6,237. Sebanyak 1,296 Kertas Siasatan telah dibuka atas maklumat tersebut. Manakala jumlah sabitan sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak 218.

Dimaklumkan juga, tidak semua maklumat yang diterima oleh SPRM berunsur rasuah dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah bidang kuasa SPRM. Kertas Siasatan dibuka berdasarkan kepada maklumat berkualiti yang mempunyai unsur-unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[DAMANSARA]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat-syarat utama pembelian saham PT Eagle High oleh FELDA yang bernilai US\$505 juta. Apakah kedudukan tindakan FELDA untuk menuntut kembali pelaburan US\$505 juta ke atas PT Eagle High melalui '*put option*' yang dimaktubkan dalam perjanjian.

**JAWAPAN: [YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)]**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan PT Eagle High dan FELDA telah dibawa ke Arbitration Proceedings di Singapore International Arbitration Centre.
2. Dalam hal ini, sebagai menghormati prosiding kes berkenaan, maka jawapan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak dapat diberikan buat masa ini.

Sekian, terima kasih.